

## ANALISA MESEJ DAKWAH DALAM FILEM ANIMASI MECHAMATO MOVIE

### ***AN ANALYSIS OF DAKWAH MESSAGES IN THE ANIMATED FILM MECHAMATO MOVIE***

Hajar Opir<sup>1\*</sup>

Wan Yusnee Abdullah<sup>2</sup>

Ezatul Emilia Muhammad Arif<sup>3</sup>

Yusni Mohamad Yusak<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, University Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia

(E-mail: hajar\_opir@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Abdullah: Department of Islamic Studies, Faculty Education and Social Science, University Selangor, Bestari Jaya, 45600, Selangor, Malaysia

(E-mail: wanyusnee@unisel.edu.my)

<sup>3</sup> Faculty of Accounting and Management, Tunku Abdul Rahman University, 43000 Kajang, Selangor

(E-mail: ezatul@utar.edu.my)

<sup>4</sup> General Study Department, Nilai Polytechnic, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Labu, Negeri Sembilan, Malaysia

(E-mail: yusni@polinilai.edu.my)

\*Corresponding author: Author A email address

#### Article history

Received date : 9-7-2025

Revised date : 10-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 10-9-2025

#### To cite this document:

Opir, H., Abdullah, W. Y., Arif, E. E. M., & Yusak, Y. M. (2025). Analisa mesej dakwah dalam filem animasi Mechamato Movie. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 329 - 346

**Abstrak:** Peranan filem sebagai wahana dakwah dalam pembentukan karakter individu yang holistik tidak dapat dinafikan. Ia sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi kluster Pendidikan. Ini kerana pembikinan karya kreatif yang berkualiti khususnya animasi berpotensi memberi nilai tambah yang positif dalam membentuk pemikiran, emosi dan tingkah laku individu. Malah, naratif mesej dakwah yang digarap melalui plot, tema, watak dan perwatakan menjadi satu keunikan bagi sebuah naskhah filem yang diterbitkan. Walau bagaimanapun, penerbitan filem ini seharusnya menepati kerangka dakwah berasaskan piawaian syarak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisa sejauh mana mesej dakwah mampu menjadi medium pembentukan insan yang holistik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan dokumentasi daripada sumber primer. Manakala dapatan kajian dianalisa berdasarkan analisa kandungan dengan mengintegrasikan penggunaan kaedah tematik dan CAVDI-xpro. Hasil kajian mendapat sembilan (9) mesej dakwah yang signifikan dipaparkan dalam filem animasi ini berdasarkan kerangka teori mesej dakwah merangkumi akidah, akhlak, ibadah dan syariat.

**Kata Kunci:** dakwah, mesej, filem, karya, karekter

**Abstract:** *The role of films as a medium for dakwah (Islamic missionary work) in shaping holistic individual character is undeniable. This aligns with the Sustainable Development Goals (SDGs), particularly within the Education cluster. High-quality creative works, especially animation, have the potential to positively impact individuals' thinking, emotions, and behaviors. The narrative of dakwah messages, crafted through plot, themes, characters, and characterization, adds uniqueness to a film. However, film production should adhere to dakwah frameworks based on Shariah standards. Therefore, this study aims to analyze the extent to which dakwah messages can serve as a medium for holistic personal development. This study uses a qualitative research design with data collection through library research and documentation from primary sources. While the study findings are analyzed based on content analysis by integrating the use of thematic methods and CAVDI-xpro. The study found that there are nine (9) significant messages of da'wah presented in this animated film, based on the framework of da'wah messages that encompasses beliefs, ethics, worship, and syari'ah.*

**Keywords:** *dakwah, messages, film, creative work, character*

## Pendahuluan

Peranan filem sebagai wahana yang ampuh untuk menyampaikan dakwah tidak dinafikan. Malah menjadi platform untuk mempertahankan syiar Islam melalui garapan tema, mesej, watak dan perwatakan serta plot yang menarik. Menurut Linda Maulidah dan Uwes Fatoni (2019) keunikan mesej yang diketengahkan dalam filem dakwah mampu menarik audiensi dan memberi nilai tambah termasuk elemen persaudaraan. Ini diperkuat oleh pandangan Kharis Perdana (2018) yang mengesahkan bahawa filem yang positif hendaklah memenuhi empat kriteria utama iaitu berbentuk religi, memberi inspirasi, tiada unsur pornografi dan tidak bertentangan dengan nilai agama.

Filem merujuk kepada gambar bergerak atau movie yang diteliti dari sudut karakter, struktur, intonasi, dan aspek lain yang berkaitan (Erlidawati & Siti Rahmah, 2022). Ia juga dikenali sebagai movie atau cinema, iaitu karya seni berbentuk gambar hidup yang popular sama ada untuk hiburan mahupun tujuan komersial (Russel, 2020). Menurut Naim Ahmad (2011), filem merupakan medium kreatif yang bersifat diskursif, merangkumi idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat, serta pelbagai kemahiran. Filem bukan sahaja menampilkan jalan cerita, tetapi juga berfungsi sebagai cerminan budaya masyarakat—sama ada berpaksikan kisah benar, imaginasi, ataupun gabungan kedua-duanya. Dari sudut teknikal, naratif filem dibentuk melalui penyatuan syot, yang seterusnya membentuk jujuk; kesatuan jujuk membentuk babak; dan akhirnya, rangkaian babak-babak tersebut menghasilkan sebuah teks atau cerita yang lengkap (Kristian, 2021).

Istilah *dakwah* berasal daripada perkataan Arab *al-da'wah*. Menurut *Mu'jam al-Wasit*, ia bermaksud “menyeru seseorang” (Ibrahim Mustafa, 1989), manakala dalam *Lisan al-'Arab* difahami sebagai “mengajak dan menyeru” (Muhammad, 1968). Rohi Balbaaki (2007) mentakrifkan dakwah sebagai usaha menyeru serta meyakinkan individu agar menerima sesuatu kepercayaan. Dalam kerangka yang lebih luas, Abd Karim Zaydan (1967) menegaskan bahawa dakwah merujuk kepada panggilan kepada Allah SWT atau seruan kepada Islam, yang menzahirkan hakikat Islam sebagai agama yang mengajak manusia menghayati prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh-Nya.

Sehubungan itu, Yusuf al-Qaradhawi (1978) menekankan bahawa dakwah merupakan usaha membawa manusia kepada Islam dengan mematuhi ajarannya, melaksanakan perintah Allah SWT, mentaati-Nya, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, serta berjihad di jalan-Nya. Selaras dengan itu, 'Ali 'Abd al-Halim (1990) memperincikan dakwah sebagai usaha mengajak manusia kepada Islam melalui kata-kata dan perbuatan, dengan tujuan melaksanakan seluruh ajaran Islam serta menegakkan syariat-Nya.

Secara konseptual, dakwah boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk komunikasi yang berteraskan ilmu, melibatkan proses penyampaian mesej secara lisan (verbal) oleh pendakwah (*da'i*) kepada sasaran dakwah (*mad'u*) melalui penggunaan pendekatan, kaedah atau media tertentu. Elemen asas dalam proses dakwah merangkumi pendakwah (*da'i*), kandungan atau subjek dakwah (*maddah*), saluran dakwah (*wasilah*), serta metodologi dakwah (*manhaj*) (Abd. Aziz, 2006).

### Kajian Literatur

Filem merupakan media komunikasi yang efisien dan efektif. Lebih daripada itu, filem berfungsi sebagai platform pendidikan kerana mempunyai keunikan dan kelebihan yang tersendiri berbanding media yang lain. Di samping berhibur elemen pendidikan dapat diterapkan secara santai tetapi sampai di mana pesanan dan nasihat dapat disampaikan kepada penonton secara halus dan menyentuh kalbu. Filem bukan sahaja memaparkan kehidupan dalam sebuah masyarakat yang dibuat secara kreatif, tetapi juga mampu mempengaruhi pemikiran dan perasaan serta boleh mengubah tingkah laku seseorang untuk melakukan sesuatu kebaikan atau meninggalkan kemungkaran bahkan boleh memberi ancaman kepada negara (Noor Aziah, et. al. 2022). Ini dibuktikan oleh kajian Suhartono et al. (2022), Nor Afifah et. al. (2021 dan Suhailah (2018). Justeru, filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Sehubungan dengan itu, tema filem dan drama perlu dikembangkan agar tidak bersifat streotaip malah menyentuh elemen perpaduan dan keharmonian dan mempromosi nasionalisme serta patriotisme (Hartono, 2020).

### Filem sebagai Wahana Dakwah

Filem merupakan media komunikasi yang efisien dan efektif. Lebih daripada itu, filem berfungsi sebagai platform pendidikan kerana mempunyai keunikan dan kelebihan yang tersendiri berbanding media yang lain. Di samping berhibur elemen pendidikan dapat diterapkan secara santai tetapi sampai di mana pesanan dan nasihat dapat disampaikan kepada penonton secara halus dan menyentuh kalbu. Filem bukan sahaja memaparkan kehidupan dalam sebuah masyarakat yang dibuat secara kreatif, tetapi juga mampu mempengaruhi pemikiran dan perasaan serta boleh mengubah tingkah laku seseorang untuk melakukan sesuatu kebaikan atau meninggalkan kemungkaran bahkan boleh memberi ancaman kepada negara (Noor Aziah, et. al. 2022). Ini dibuktikan oleh kajian Suhartono et al. (2022), Nor Afifah et. al. (2021 dan Suhailah (2018). Justeru, filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Sehubungan dengan itu, tema filem dan drama perlu dikembangkan agar tidak bersifat streotaip malah menyentuh elemen perpaduan dan keharmonian dan mempromosi nasionalisme serta patriotisme (Hartono, 2020).

Penyampaian dakwah yang efektif memerlukan ekosistem yang lestari bagi mencapai misi dakwah. Ia terangkum dalam rukun dakwah yang meliputi elemen *da'i* (pendakwah), *madu'* (sasaran), *maudhu'* (tajuk), *uslub* (pendekatan) dan *wasilah* (medium) (Bayanuni, 1995 & Ab. Aziz, 2006). Manakala mesej dakwah termasuk dalam elemen *maudhu'* dakwah iaitu

topik, tajuk atau kandungan kepada dakwah yang menyorot kepada Islam itu sendiri sebagai subjek yang disebar kepada mad'u.

Menurut Zulkifli (2021) perkembangan dakwah dalam ledakan teknologi media, digital dan industri kreatif memerlukan kandungan dakwah yang kompeten bagi mencapai objektif dakwah. Ini kerana, pembentukan minda audien bukan hanya tercerap melalui watak dan perwatakan tetapi yang lebih efisien adalah kandungan skrip yang dikembangkan dengan plotplot yang berkesan. Audien masa kini lebih cenderung dan memperlihatkan pemikiran kritis terhadap kandungan bernuansakan Islam. Malah mereka bijak untuk menapis dan bertindak balas kepada isu-isu kontroversi yang berkait dengan maklumat yang tidak tepat (Abu Hatap, 2015). Ini secara langsung menjustifikasikan penggunaan media sosial, digital dan kreatif dalam menerima mesej (Rindang & Ignatius, 2020).

Filem sebagai wasilah (medium) dakwah mempunyai keunikan yang tersendiri dalam menyampaikan mesej secara tersirat malah penuh dengan seni yang dapat memberi kesan dan faedah yang mendalam kepada audien yang menonton (Mohd. Syukri, 2016). Menurut Ab. Aziz Mohd Zain (2006) ketika ingin menyampaikan mesej dakwah, ia memerlukan kepada usul dan bentuk yang terbaik yang boleh menarik minat golongan mad'u yang terdiri daripada segmen yang pelbagai sama ada etnik, umur, budaya dan tahap pemikiran. Mesej dakwah yang ingin disampaikan hendaklah mengandungi isi kandungan yang berdasarkan kepada pemantapan akidah yang benar, menerangkan perkara yang menjadi tuntutan dalam Islam dan memaparkan akhlak yang mulia agar dapat menyerlahkan role model kepada audien agar mereka sedar terhadap tanggungjawab sebagai individu Islam.

### **Mesej Dakwah dalam Filem**

Bagi merealisasikan filem sebagai wahana yang berpengaruh dalam pembentukan modal insan, minda yang jitu, kepercayaan yang mantap dan tingkah laku yang mulia, mesej dakwah adalah komponen penting dan signifikan. Berasaskan teori filem sebagai ar-Risalah yang diubahsuai daripada kerangka gagasan Abu Hassan (2000), mesej dakwah dikategorikan kepada empat (4) elemen penting iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariat. Kerangka teori mesej dakwah ini digambarkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Kerangka Teori Mesej Dakwah**

Sumber: Adaptasi Daripada Abu Hassan (2006)

Dari segi bahasa, akidah menggambarkan suatu simpulan, ikatan, dan pegangan yang kukuh dalam hati, yang melahirkan keyakinan pasti tanpa keraguan berlandaskan hujah dan dalil yang benar hingga mencapai tahap keyakinan mutlak (Mustafa Sa'id, 1996). Rangka asas akidah ini berakar pada rukun iman, meliputi kepercayaan kepada Allah SWT (al-Ikhlas, 112:1), para rasul (Isa, 14:4), malaikat (al-Baqarah, 2:285), kitab-kitab suci (al-Nahl, 16:89), qada' dan qadar (al-Qamar, 54:49), serta hari kiamat (al-Zumar, 39:7). Menurut Sulaiman (1987),

kekuatan akidah muncul daripada tiga unsur utama: pemikiran ('aql), kehendak (iradah), dan perasaan (wujdan). Doktrin dasar ini memandu seluruh aspek kehidupan manusia—pemikiran, emosi, dan tingkah laku—berlandaskan syariat Islam, sehingga umat Islam tunduk dan patuh sepenuhnya kepada perintah Allah SWT (Muhammad, 1983).

Akhlik pula, dari segi bahasa berasal daripada perkataan *al-khuluq*, yang membawa maksud perangai, tabiat, maruah, dan agama (Ali Hassan, 1997). Akhlak boleh difahami sebagai tingkah laku yang menjadi kebiasaan seseorang, mencerminkan zahir dan batin dirinya.

Ia juga merujuk kepada sifat semula jadi manusia, sama ada berkaitan perangai ataupun pembawaan diri (Abdullah, 1992). Menurut al-Ghazali (1998), akhlak ialah suatu keadaan jiwa yang sebatи sehingga daripadanya lahir perbuatan secara mudah, spontan, dan konsisten tanpa memerlukan pemikiran berulang, selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah (al-Ghazali, 1997). Abdul Halim El-Muhammady (1991) menegaskan bahawa akhlak merupakan nilai yang bersifat tetap dan tidak berubah meskipun berbeza masa, tempat, dan manusia. Pandangan ini diperkuatkan oleh Abd Karim Zaydan (1967) yang menegaskan bahawa akhlak merangkumi nilai adab, pujian terhadap individu bermoral baik yang akan memperoleh ganjaran pahala, manakala akhlak buruk pula dicela dan diancam dengan balasan buruk.

Syariah pula ditakrifkan sebagai sistem perundangan Islam. Berdasarkan al-Qur'an, syariah membawa maksud undang-undang atau aturan amaliyyah (praktikal) yang berbeza mengikut Rasul yang diutuskan (Muhammad Rashid Redha, 1967). Syariah merujuk kepada hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk dilaksanakan oleh hamba-Nya, meliputi hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia, berlandaskan sumber utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, t.t.). Justeru, syariah merupakan ketetapan Ilahi yang berperanan mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sosial sesama manusia, demi mencapai kesejahteraan, keamanan, dan kedamaian hidup di dunia serta kebahagiaan abadi di akhirat (Jafril Khalil, 1999).

Ibadah, dari segi bahasa berasal daripada kata kerja '*abada-ya 'budu- 'abdan*', yang bermaksud taat, tunduk, patuh, dan merendah diri. Ketaatan ini merangkumi aspek zahir dan batin. Segala perbuatan yang direndai Allah SWT, sama ada dalam bentuk perkataan atau tindakan, secara terang-terangan atau tersembunyi, dengan tujuan mengagungkan-Nya dan mengharapkan keredaan serta pahala-Nya, termasuk dalam ruang lingkup ibadah. Ibadah merupakan kewajipan pelaksanaan syariat Allah SWT yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (Abu Bakar Ismail, 2003). Menurut al-Mawdudi (t.t.), hakikat ibadah ialah pengabdian seorang hamba terhadap Tuhan-Nya, yang bukan sahaja terbatas kepada ibadat khusus, tetapi juga merangkumi akhlak dan perbuatan harian, seperti menjauhi dusta, tidak mengumpat, berlaku adil, berurusan secara jujur dalam jual beli, menjaga hubungan baik sesama manusia, dan menunaikan hak orang lain.

Setiap mesej dakwah ini akan diperincikan melalui keterangan yang relevan dengan mesej tersebut. Dalam konteks kajian ini semua sub mesej ini dipaparkan secara jitu bagi menjelaskan mesej yang diketengahkan sampai kepada audien.

### Profil Filem

*Mechamato Movie* merupakan sebuah filem animasi komputer bercorak aksi dan fiksyen sains dari Malaysia yang ditayangkan pada tahun 2022, berperanan sebagai prekuel kepada siri animasi *Mechamato: The Animated Series*. Filem ini diterbitkan oleh Animonsta Studios

dengan kerjasama Astro Shaw, serta diedarkan oleh Astro Shaw. Nizam Razak bertindak sebagai penulis skrip dan pengarah, manakala barisan pelakon suara terdiri daripada Armand Ezra, Adzlan Nazir, Fadhli Mohd Rawi, Ielham Iskandar, Marissa Balqis, Fazreen Mohd, Hazzley Abu Bakar, dan Feroz Faizal.

Kisah filem ini berpusat pada pertemuan pertama watak Amato dengan MechaBot selepas sebuah kapal angkasa penjara terhempas. Pertemuan tersebut akhirnya menjadikan Amato sebagai tuan baharu MechaBot, sekali gus membawa mereka diburu oleh Grakakus, makhluk asing yang berniat jahat.

*Mechamoto Movie* ditayangkan di lebih 30 pawagam seluruh Malaysia, dan berjaya meraih kutipan sebanyak RM30.75 juta, sekali gus memecahkan rekod “Box Office” bagi kategori filem animasi tempatan. Filem ini turut mencipta sejarah apabila menerima pengiktirafan antarabangsa melalui penganugerahan Anime Fan Award di *Tokyo Anime Award Festival 2023 (TAAF)*.

Filem ini mengisahkan Amato, seorang kanak-kanak yang secara tidak sengaja menemui MechaBot—sebuah robot berkuasa yang jatuh ke bumi bersama kapal angkasa misteri. MechaBot memiliki kuasa Mechanize, yang membolehkannya bergabung dengan objek biasa dan menukar menjadi senjata berteknologi tinggi. Melalui kecerdikan Amato, dia menjadi tuan kepada MechaBot dan mula menggunakan kuasa tersebut untuk mencipta peralatan canggih. Namun, MechaBot sedang diburu oleh makhluk asing sibernetik bernama Grakakus. Ketika ancaman semakin memuncak, muncul Maksmana, seorang adiwira yang berusaha melindungi bumi. Bersama-sama, Amato dan MechaBot menghadapi pelbagai cabaran dan akhirnya berjaya menewaskan General Grakakus, menyelamatkan dunia daripada kemusnahan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif di mana pengumpulan data berdasarkan sumber perpustakaan dan dokumentasi primeri. Manakala dapatan kajian melalui analisa kandungan yang memfokuskan aspek mesej dakwah dalam filem. Filem *Mechamoto Movie* adalah sebagai sampel kajian. Analisa data juga menggunakan kaedah CAVDIX-pro dan ATLAS.ti 11.0. CAVDIX-pro adalah *computer assisted for video data index using x program*, iaitu informasi data video berbantu komputar di mana ‘x’ adalah nama program komputer yang digunakan untuk melihat *scene* berdasarkan kod masa. Kajian ini menggunakan perisian MPEG Streamclip versi 1.9.2. Manakala perisian ATLAS.ti pula menggunakan kaedah Strauss and Corbin’s yang menggunakan sistem pengkodan (*coding*) dan petikan (*quotation*) bagi mendapatkan data yang sistematik dan tepat (Anselm Strauss and Juliet M. Corbin, 1998).

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pengumpulan data berdasarkan sumber perpustakaan dan dokumentasi primeri. Dapatan kajian diperoleh melalui analisis kandungan yang menumpukan kepada aspek mesej dakwah dalam filem, dengan *Mechamoto Movie* dijadikan sampel kajian. Bagi tujuan analisis data, kajian ini menggunakan perisian CAVDIX-pro dan ATLAS.ti 11.0. CAVDIX-pro atau *Computer Assisted for Video Data Index using x program* merupakan aplikasi berdasarkan komputer yang membolehkan pengkaji meneliti adegan filem mengikut kod masa tertentu; dalam kajian ini perisian MPEG Streamclip versi 1.9.2 digunakan. Sementara itu, ATLAS.ti diaplikasikan dengan berpandukan kaedah Strauss and Corbin yang melibatkan proses pengkodan (*coding*) dan petikan (*quotation*) bagi menghasilkan data yang sistematik dan tepat (Anselm Strauss & Juliet M. Corbin, 1998).

## **Analisa Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Teori mesej dakwah yang diadaptasi daripada Abu Hassan (2006) mengetengahkan empat (4) elemen penting iaitu akidah, akhlak, syariat dan ibadah yang menjadi tema utama dalam perbincangan kajian ini. Bagi setiap elemen ini diperincikan mengikut sub mesej yang menjelaskan mesej tersebut.

### **1. Akidah**

#### **a. Setiap sesuatu dimulakan dengan Bismillah**

Analisa kajian mendapati terdapat *scene* yang menunjukkan Maskmana menghubungkan dirinya kepada Allah SWT dengan membaca Bismillah sebelum memulakan serangan kepada General Grakakus. Ini dapat ditunjukkan dalam Gambar Rajah 1 dan petikan *quotation* di bawah.



**Gambar Rajah 1: Mengingati Allah SWT**

Dialog Maskmana *Berani kamu buat onar di sini!... Bismillah*

Gambar Rajah 1 menunjukkan Maskmana meletakkan sepenuh pengharapan dan kepercayaan kepada Allah SWT agar dapat membantu beliau melawan General Grakakus dan memohon perlindungan daripada sebarang keburukan atau perkara yang tidak diingini. Dengan menyebut nama Allah SWT akan memberikan dorongan mental dan spiritual yang tinggi dan keyakinan yang jitu terhadap Allah SWT. bahawa kita tidak sendirian dalam menghadapi cabaran. Kita juga akan lebih berani dan yakin dalam setiap Tindakan. Ini membuktikan seseorang invidu muslim mempunyai hubungan dengan Allah SWT di mana sahaja berada khusunya ketika dalam kondisi berhadapan dengan musuh. Firman Allah SWT dalam Surah ar-Ra'd: ayat 21

**وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمْرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوْصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ**

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan agar sentiasa menghubungkan diri kepada Allah SWT selain hubungan dengan makhluk lain. Sentiasa mengharapkan pertolongan Allah SWT dan merasa takut hanya kepada Allah bukan kepada manusia.

### **2. IBADAH**

#### **a. Membaca Bismillah**

Analisa kajian mendapati terdapat *scene* yang menunjukkan Maskmana membaca Bismillah ketika memulakan pertarungan dengan General Grakakus. Ini dapat ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2 dan petikan *quotation* di bawah.



**Gambar Rajah 2 : Memulakan Sesuatu dengan Mengingati Allah SWT**

Rajah 2 menunjukkan babak Maskmana yang membaca Bismillah sebelum memulakan pertarungan dengan General Grakakus. Ini menunjukkan elemen ibadah yang terserlah dan dilazimi apabila melakukan sesuatu perkara, lebih-lebih lagi dalam kondisi yang kritikal.

Membaca "Bismillah" juga mengelakkan kita daripada sifat tergesa-gesa serta menggalakkan kita untuk berfikir dan merancang sebelum bertindak. Ia mengingatkan kita untuk tidak terburuburu dalam mengambil keputusan. Membaca "Bismillah" dalam setiap perbuatan bukan sahaja memberikan kita keberkatan, tetapi juga membantu kita menjalani hidup dengan lebih teratur dan penuh makna. Ia merupakan amalan yang sederhana tetapi memberi impak yang besar dalam kehidupan sehari-hari.

Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya menyebut, sesetengah daripada ulama menyatakan sesungguhnya kalimah basmalah dimasukkan bagi setiap perbuatan yang disyariatkan. Dari segi makna kalimah bismillah di mulakan untuk mengharap taufiq dan keberkatan daripada Allah SWT. Allah SWT mengajar hamba-Nya untuk beribadah kepada-Nya dengan menyebut nama Allah SWT ketika hendak melakukan bacaan al-Quran dan selainnya. (Lihat Tafsir alQurtubi, 1/ 91-98). Selain itu, Baginda Nabi SAW memerintahkan umatnya supaya dalam melakukan setiap perkara hendaklah dimulai dengan membaca Basmalah. Ini seperti Sabda Nabi SAW: Dari Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda,

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya menjelaskan bahawa sebahagian ulama berpendapat kalimah *basmalah* dianjurkan untuk disertakan dalam setiap amalan yang disyariatkan. Dari sudut makna, lafaz *bismillah* membawa maksud memulakan sesuatu perbuatan dengan penuh pengharapan akan taufik dan keberkatan daripada Allah SWT. Allah SWT mendidik hambaNya agar mengingati dan beribadah kepada-Nya dengan menyebut nama-Nya, sama ada ketika membaca al-Qur'an mahupun melakukan perkara-perkara lain (rujuk *Tafsir al-Qurtubi*, 1/9198). Selain itu, Rasulullah SAW turut menekankan kepada umatnya supaya setiap amalan dimulakan dengan bacaan *basmalah*. Hal ini selaras dengan sabda Baginda SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA:

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبْدِأْ فِيهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَهُوَ أَبْتَرُ

Maksudnya: “Setiap perkara penting yang tidak dimulai dengan ‘bismillahirrahmanir rahiim’, amalan tersebut terputus berkahnnya.”

(HR. Al-Khatib dalam Al-Jami', dari jalur Ar-Rahawai dalam Al-Arba'in, As-Subki dalam tabaqathnya)

Perkara penting di dalam hadis di atas adalah sesuatu perkara yang dititikberatkan oleh seseorang itu. Manakala makna terputus pula bermaksud kurangnya keberkatan. Para ulama menyatakan disunatkan memulakan setiap penulisan, pembelajaran, pengajaran, khutbah, percakapan dan perkara-perkara yang lain yang dilihat penting dengan memuji Allah SWT. (Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 1/73).

### 3. AKHLAK


#### a. Tanggungjawab terhadap diri sendiri

Analisis kajian mendapati terdapat beberapa *scene* yang menggambarkan sikap tanggungjawab terhadap diri sendiri. Perkara ini dapat dilihat dalam dialog Tok Sah kepada Amato seperti dalam petikan di bawah.



**Gambar Rajah 3: Tok Sah menasihati Amato**

Dialog Tok Sah : *Wira lahir bukan dari kuasa, wira lahir dari keberanian dan tanggungjawab”*



**Gambar Rajah 4: Tok Sah berbicara dengan lembut**

Dialog Tok Sah: *Kamu tidak boleh berlagak hero kena lebih bertanggungjawab Dia robot kamu kan*

Gambar Rajah 3 dan 4 memaparkan Tok Sah dengan nada serius tapi lembut menasihati Amota agar lebih bertanggung jawab. Tanggungjawab terhadap diri sendiri merujuk kepada kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajiban dengan sempurna. Sikap tanggungjawab juga mengajar individu untuk peka terhadap isu-isu sosial dan persekitaran.

Kata-kata Tok Sah sungguh meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada Amato dan membentuk sikap dan akhlak beliau. Amato berusaha mengawal diri dan emosi dan berubah menjadi orang yang lebih matang, positif dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan. Ini

dibuktikan oleh kata-kata Amato kepada Tok Sah yang sedar akan tanggungjawab dan amanah beliau untuk menjaga MechaBot dan berjuang menghadapi General Gragakus.

Kesimpulannya, memupuk sikap bertanggungjawab adalah penting dalam kehidupan. Ia membantu kita menjadi individu yang lebih baik dan bermanfaat kepada masyarakat. Akhlak yang baik mendorong individu untuk membantu orang lain dan memberi sumbangan positif kepada masyarakat.

### **b. Perkenalan dan Persahabatan**

Analisis kajian mendapat terdapat *scene* yang menunjukkan aspek persahabatan di dalam filem Mechanato Movie dipaparkan kepada penonton melalui perkenalan watak-watak dalam animasi Mechanato seperti Pian, Mara, Deep, MechaBot dan Amato. Kemesraan berinteraksi antara watak menunjukkan keakraban dan saling sokong menyokong antara satu sama lain.



**Gambar Rajah 5: Perkenalan dan Persahabatan**

Gambar Rajah 5 persahabatan yang terjalin erat antara Amota, MechaBot dan Pian. Ia menjustifikasi bahawa tindakan mereka yang segera menawarkan bantuan ketika seorang rakan menghadapi kesukaran. Perlakuan tersebut menggambarkan perihal saling memberikan sokongan dan ketinggian nilai persahabatan yang tulus. Perbuatan mereka tersebut adalah bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10.

Bermaksud:

Ibn Kathir dalam tafsirnya al-Quran al-Azim menekankan pentingnya persaudaraan di kalangan umat Islam kerana persahabatan yang utuh menjadi teras pembangunan masyarakat yang harmonis dan sejahtera. Tambahan lagi, Allah SWT dengan tegas memerintahkan agar saling memperbaiki hubungan yang berdasarkan ikatan iman dan apabila berlaku perselisihan, meneliti dan memperbaiki hubungan sesama mereka serta berusaha menjaga tali persahabatan adalah tanggungjawab sosial yang perlu dipikul bersama. (Ibn Kathir. 2000, 2/215; Jalal adDin al-Mahalli & Jalal ad-Din as-Suyuti 2005, 1/233; Ibn Jarir al-Tabari 1990, 22/10; alMawardi. 2005. 1/85; al-Qurtubi. 2006. 16/110).

### **c. Menghadapi Cabaran Bersama**

Analisis kajian mendapat terdapat scene yang menunjukkan Mechanato bersama Pian, MechaBot dan Tok (Asah) bersatu untuk merancang tindakan. Setiap watak membawa kemahiran dan idea mereka sendiri menunjukkan tentang bagaimana persahabatan dapat membawa kepada penyelesaian yang efektif. Ini dapat dibuktikan pada paparan Gambar Rajah 6 seperti di bawah ini.



**Gambar Rajah 6: Menghadapi cabaran bersama**

Gambar Rajah 6 menjustifikasikan bagaimana sikap kerjasama menjadi azimat berharga untuk menghadapi masalah dan cabaran yang lebih besar secara bersama. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah; 153:

**يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَسْتَعِنُو بِالصَّابَرِ وَالصَّلَوةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ**

Bermaksud: “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar”.

Al-Tabari menyatakan bahawa di dalam ayat al-Quran tersebut Allah SWT memberi ingatan kepada umat Islam agar tetap bersatu dan mengelakkan perselisihan kerana ia memberikan kesan langsung yang dapat melemahkan mereka. (al-Tabari 1991, 9/145) Tambah Ibn Kathir kesatuan adalah kunci menggapai kejayaan terutamanya apabila disertakan dengan munajat kepada Allah SWT. Ayat ini juga adalah ayat motivasi kepada orang beriman untuk tidak berputus asa, malah membentuk kesatuan dan bertawakkal apabila berhadapan dengan cabaran yang mendarat. (Ibn Kathir 2000, 1/114; as-Sa'di 2002, 1/232; as-Suyuti 2005, 1/258; al-Gharnati 1997, 3/145)

#### d. Pengorbanan dalam Persahabatan

Analisis kajian mendapat terdapat *scene* yang menunjukkan pengorbanan seorang rakan untuk melindungi rakan-rakan lainnya dari bahaya. Tindakan Amato, Tuan MechaBot dan Masksama yang mempertaruhkan dirinya demi untuk keselamatan dan kepentingan rakan lain amatlah terpuji dan menunjukkan ketinggian akhlak seseorang.



**Gambar Rajah 7: Pengorbanan Dalam Persahabatan**

Gambar Rajah 7 menerangkan tentang pengorbanan dan persahabatan adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan, malah ia saling berkaitan antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal; 28:

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Maksud: “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar”.

Ibn Kathir memberi ingatan orang-orang yang beriman bahawa harta benda dan anak pinak adalah ujian yang menghalang mereka daripada mengingati Allah SWT, menyedari bahawa hanya Allah SWT yang lebih berharga daripada segalanya, dan keperluan untuk menjaga iman mereka agar tidak terpedaya oleh kecintaan kepada dunia. (Ibn Kathir 2000 4/141, Al-Muqaddasi 2009 1/120, Al-Tabari 1997 10/50, al-Mahalli & as-Suyuti 2011 1/180, Al-Wahidi 2005 1/55)

#### e. Penyelesaian Konflik

Analisis kajian mendapat *scene* yang menunjukkan keperluan untuk mendamaikan perselisihan melalui perbincangan dan musyawarah. Scene tersebut menunjukkan keperluan mempertahankan melalui komunikasi yang harmoni serta saling memahami antara satu dengan lainnya, serta berusaha untuk menyelesaikan konflik yang berlaku secara matang.



**Gambar Rajah 8: Penyelesaian Konflik**

Gambar Rajah 8 menjustifikasi bahawa segala perselisihan yang berlaku antara dua pihak yang berlaianan pandangan perlu diselesaikan melalui perbincangan dan musyawarah. Kedua-dua pihak perlu mengambil jalan tenang dan berlapang dada bagi mengatasi konflik yang berlaku antara mereka. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat; 9:

وَإِن طَائِقَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَفْتَلُوا فَأَصْلِحُوهُا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْآخَرِ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَقِعَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ قَاتَعْتُمْ فَأَصْلِحُوهُا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَفْسُطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُفْسِطِينَ

Bermaksud: “Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasih orang-orang yang berlaku adil.”

Ayat ini menekankan pentingnya menjaga keharmonian dalam masyarakat Islam. Jika dua kelompok beriman berkonflik, maka tugas orang-orang beriman adalah untuk berdamai dan menyelesaikan perselisihan tersebut dengan adil. Keadilan dan perdamaian adalah nilai yang sangat ditekankan, dan setiap usaha perlu dilakukan untuk mengembalikan hubungan baik

antara pihak-pihak yang berselisih. (Ibn Kathir 2000 4/45, Al-Muqaddasi 2009 1/175, Al-Tabari 1997 19/18, al-Mahalli & as-Suyuti 2011 1/242, Al-Wahidi 2005 1/95)

#### f. Perpaduan dan Keharmonian

Analisis kajian mendapati terdapat beberapa babak yang menggambarkan kerjasama, persahabatan dan sokongan antara watak-watak di dalam filem Mechamato. Kerjasama antara Amato dan Mechamato untuk mengatasi pelbagai cabaran, menunjukkan bagaimana perpaduan yang dijalin bersama rakan-rakan sekelas dan masyarakat majmuk terserlah. Gambar Rajah 9 menjustifikasi elemen ini.



**Gambar Rajah 9: Masyarakat Majmuk**

Gambar Rajah 10, memaparkan beberapa babak di mana Amato yang hidup rukun damai dengan rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai etnik. Malah Amota turut dibantu oleh rakan-rakannya Pian dan Mara dalam misi menyelamatkan rakan yang ditangkap oleh Grakakus. Ketika Grakakus menyerang Kota Hilir, di dalam babak ke 1:42:45, Amato, MechaBot dan Maskmana bersatu untuk melawan ancaman tersebut. Babak ini menekankan bahawa perpaduan adalah kunci untuk mengatasi dugaan dan cabaran yang besar, dan setiap watak memainkan peranan penting dalam mencapai kemenangan tersebut. Filem ini juga menonjolkan bagaimana Amato, MechaBot, Tok Asah dan Encik Aman berusaha menyelesaikan masalah dengan berbincang dan merancang bersama. Ini menunjukkan bahawa keharmonian dalam kumpulan dapat membawa kepada penyelesaian yang lebih baik. Melalui babak-babak ini, filem ini telah dapat mengetengahkan kepentingan perpaduan dan keharmonian dalam mencapai tujuan bersama. File mini juga mengajak penonton untuk menghargai nilai Kerjasama, persahabatan dan pengorbanan demi kebaikan masyarakat sejagat. Ini bersetujuan dengan firman Allah SAW dalam surah al-Hujurat ayat 10.

**إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْهُ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَأَنْقُوا اللَّهُ لَعْنَكُمْ ثُرْحَمُونَ**

Bermaksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Ayat ini menegaskan, bahawa semua orang beriman itu bersaudara dan harus saling mendamaikan jika berlaku perselisihan, serta mengekalkan keharmonian di dalam masyarakat. Ayat ini juga menegaskan pentingnya kesepadan dan rasa bersyukur terhadap nikmat perpaduan yang telah diberikan.

#### 4. Syariat

##### a. Berjuang Demi Kebenaran

Analisa kajian mendapati terdapat babak yang memaparkan perjuangan demi kebenaran. Syariat menuntuk umatnya mempertahankan diri jika diserang oleh musuh. Apatah lagi tanah air tercinta. *Scene* ini dapat dilihat dalam Gambar Rajah 10.



**Gambar Rajah 10: Amato Bertarung Dengan Traket**

Gambar Rajah 10 memaparkan babak adegan Amato bergabung tenaga dengan MechaBot menumpaskan Traket. Ia menonjolkan keutamaan bekerjasama untuk mencapai tujuan yang sama. Ini menunjukkan bahawa kebenaran dapat dicapai melalui solidariti dan sokongan antara satu sama lain. Amato juga digambarkan sebagai seorang yang mempunyai nilai moral yang tinggi. Tindakannya yang berpegang pada prinsip kejujuran dan keadilan mencerminkan usaha untuk menegakkan kebenaran dalam situasi yang sukar.



**Gambar Rajah 11: Amato dan MechaBot bertarung dengan Grakakus**

Gambar Rajah 11 memaparkan scene pertarungan yang sengit antara Amota yang bergabung dengan MechaBot untuk mengalahkan General Grakakus. Filem ini menyerlahkan perjuangan demi kebenaran melalui beberapa elemen penting dalam naratif dan perkembangan watak. Amato yang membesar sambil belajar mempercayai orang lain dan menjadi orang yang boleh dipercayai mencerminkan nilai Islam dalam mengekalkan hubungan etika yang kuat. Antara elemen-elemen perjuangan demi kebenaran yang dipaparkan di dalam filem “Mechamato” adalah pertarungan melawan kejahanatan; dimana Amato bersama robotnya MechaBot, telah berjuang melawan robot-robot jahat yang mewakili ketidakadilan. Pertarungan ini melambangkan usaha untuk menegakkan kebenaran dan mengatasi kejahanatan yang mengancam masyarakat sekeliling. Konsep perjuangan demi kebenaran mencakupi pertahanan diri, menegakkan keadilan serta komitmen untuk berpegang kepada nilai-nilai kebenaran dalam kehidupan sehari-hari. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hajj ayat 39 menceritakan situasi ini.

**أَذْنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُواٰ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرٍ هُمْ لَقَدِيرُ**

Bermaksudnya: *Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).*

### **Kesimpulan**

Mechamato movie adalah sebuah naskah seni bervariasikan animasi yang sarat dengan mesej dakwah yang tersirat secara santai tetapi berkesan. Perkembangan plot dan jalan cerita yang menarik disulami unsur humor daripada watak utama memberi nilai tambah dalam bentuk pendidikan melalui hiburan. Walaupun penuh dengan aksi pertarungan, mesej dakwah terserlah dan digarap dengan penuh teliti. Hasil kajian menunjukkan bahawa ia sangat signifikan dalam aspek akidah, akhlak, syariat dan ibadah. Ia memberi pengaruh yang positif dalam pembangunan insan audien khasnya merangkumi aspek kognitif, afektif dan emosi. Secara terperinci terdapat 1 sub mesej di akidah, ibadah dan syariat. Manakala 6 sub mesej dibincangkan secara tuntas di mesej akhlak seperti jadual 1.

**Jadual 1: Rumusan Mesej dan Sub Mesej Dakwah**

| <b>BIL</b> | <b>MESEJ</b> | <b>SUB MESEJ / KETERANGAN</b>   | <b>JUMLAH</b> |
|------------|--------------|---|---------------|
| 1          | Akidah       | - Setiap sesuatu dimulakan dengan Bismillah   | 1             |
| 2          | Ibadah       | - Membaca Bismillah   | 1             |
| 3          | Akhlag       | - Tanggungjawab terhadap diri sendiri<br>- Perkenalan dan Persahabatan<br>- Menghadapi Cabaran Bersama<br>- Pengorbanan dalam Persahabatan<br>- Penyelesaian Konflik<br>- Perpaduan dan Keharmonian | 6             |
| 4          | Syariat      | - Berjuang Demi Kebenaran   | 1             |
|            |              | <b>TOTAL</b>  | <b>9</b>      |

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS). Tajuk penyelidikan: Pembinaan modul Patuh Syariah dalam Penerbitan Filem dan Drama Islam di Malaysia. Kod: FRGS/1/2016/SS/UM/02/9.

## Rujukan

- Abu Hatab, W. (2016). Islam and social media: Attitudes and views. *Asian Social Science*, 12 (5), 221–225. <https://doi.org/10.5539/ass.v12n5p221>
- Abu Hassan Hasbullah. (2000). Sinema realisme: Representasi dan reproduksi realiti. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 3 (1), 37–55.
- Al-Ali, N. M., Yaghy, H. S., Shattnawi, K. K., & Al-Shdayfat, N. M. (2018). Parents' knowledge and beliefs about the impact of exposure to media violence on children's aggression. *Issues in Mental Health Nursing*, 39 (7), 592–599. <https://doi.org/10.1080/01612840.2017.1422201>
- Ali 'Abd Al-Halim Mahmud. (1990). al-Da'wah ila Allah (p. 7). Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Anderson, C. A., & Bushman, B. J. (2018). Media violence and the general aggression model. *Journal of Social Issues*, 74 (2), 386–413. <https://doi.org/10.1111/josi.12275>
- Asiah Sarji, & Nur Kareelawati Abd. Karim. (2011). Kajian filem arahan pengarah muda sebagai saluran dakwah di Malaysia. Dalam M. Z. Mustafa et al. (Pnyt.), *Resepsi Islam dalam media* (hlm. 175–194). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Cetin-Erus, Z., & Erus, B. (2020). The rise of domestic popular film production with new audience and changing industry structure: The case of popular cinema in Turkey. *European Journal of Communication*, 35 (6), 565–579. <https://doi.org/10.1177/0267323120928216>
- Elinwa, O. J. (2020). Audience readings and meaning negotiation in the film viewing space: An ethnographic study of Nollywood's viewing center audiences. SAGE Open, 10 (3), 1–12. <https://doi.org/10.1177/2158244020939537>
- Erlidawati, & Siti Rahmah. (2022). The educational values in fairy tale cartoon film. *Journal of English Language Teaching, Linguistics and Literature*, 2 (1), 11–17.
- Faizul Nizar Anuar, & Nor Azura Adzharuddin. (2013). Faktor penerimaan remaja terhadap drama televisyen bermesej keislaman. *Global Media Journal – Malaysian Edition*, 3 (3), 20–35.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat, Hamid Abdul Qadir, & Muhammad Ali al-Najjar. (1989). Mu'jam al-Wasit (p. 287). Istanbul: Mu'assasa Thaqafah li al-Taklif wa Taba'ah wa Nashr wa Tawzi'.
- Kalai, S. (2014). Cinema as an effective tool for teaching human rights issues and problems: An analytical study of Samuel Goldwyn's film: "The Whistleblower". *Journal of Multidisciplinary Approach and Studies*, 1 (5), 233–244.
- Kendrick, C., MacEntee, K., & Flicker, S. (2021). Exploring audience engagement and critical narrative intervention with the Celling Sex film. *Health Promotion Practice*, 22 (2), 33S–43S. <https://doi.org/10.1177/15248399211040492>
- Kharis Perdana. (2018, April 19). Nasib film Islami di negeri mayoritas Muslim. *Republika Online*. <https://www.republika.co.id/berita/p7fj6g415/nasib-film-islami-di-negerimayoritas-muslim>
- Kim, S., Kim, S., & Petrick, J. F. (2017). The effect of film nostalgia on involvement, familiarity, and behavioral intentions. *Journal of Travel Research*, 58 (2), 283–297. <https://doi.org/10.1177/0047287517746015>
- Kristian Petersen. (2021). Reframing the study of Muslim and Islam in film. New York: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781351189156-1>
- Linda Maulidah, & Uwes Fatoni. (2019). Dakwah persaudaraan Islam dalam short movie. *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan*, 23 (2), 1–18. <https://doi.org/10.15408/dakwah.v23i2.13933>

- Mattar, L., Farran, N., Abi Kharma, J., & Zeeni, N. (2019). Movie violence acutely affects food choices in young adults. *Eating Behaviors*, 33, 7–12. <https://doi.org/10.1016/j.eatbeh.2019.02.002>
- Mohd Shukri Hanapi. (2016). Optimum penggunaan filem sebagai medium dakwah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 11–13.
- Muhammad Abu Fatah al-Bayanuni. (1995). al-Madkhal ila ‘Ilm al-Da‘wah. Beirut: alMuassasah al-Risalah.
- Muhammad Bin Mukram Ibn Manzur. (1968). Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar al-Shadir.
- Naim Ahmad. (2011). Filem Islam satu perbicaraan (hlm. 14). Shah Alam, Selangor: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Noor Aziah, Wan Amizan, Mohamad Noor, & Yusniza. (2021). Filem dan khalayak: Ancaman keselamatan negara. *Jurnal Komunikasi*, 38 (1), 240–255. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3801-13>
- Norfaizah Ghazali, & Fazilah Husin. (2018). Bahasa dan feminism dalam filem Shuhaimi Baba. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34 (2), 374–388. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-22>
- Nur Afifah, Fatimah, & Nur Aifaa. (2021). Hubungan alam dan manusia dalam filem Tombiruo: Penunggu Rimba\_. (2017). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32\_ (1), 105–117. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol32no1.7>
- Rindang Matoati, & Ignatius Hari Santoso. (2020). Efektifitas media sosial sebagai wadah berbagi pengetahuan pada lintas generasi. *Jurnal Ilmiah Ekonomi*, 15 (1), 262–272. <https://doi.org/10.34152/fe.15.1.262-272>
- Rohi Baalbaki. (2007). Al-Mawrid: A modern Arabic-English dictionary. Beirut: Dar el-Elm Lilmalayin.
- Rosli Sareya, Zairul Anuar, Burhan, Sharip Zainal, & Muhammed Syafiq. (2020). Teknik penyuntingan dan kesannya terhadap emosi audiens dalam filem aksi terpilih. *Jurnal Gendang Alam*, 10, 90–120.
- Russel Leigh Sharman. (2020). Moving pictures: An introduction to cinema. University of Arkansas.
- Siervo, M., Gan, J., Fewtrell, M. S., Cortina-Borja, M., & Wells, J. C. K. (2018). Acute effects of video-game playing versus television viewing on stress markers and food intake in overweight and obese young men: A randomised controlled trial. *Appetite*, 120, 100–108. <https://doi.org/10.1016/j.appet.2017.08.018>
- Sunil Kalai. (2014). Cinema as an effective tool for teaching human rights issues and problems: An analytical study of Samuel Goldwyn's film: "The Whistleblower". *Journal of Multidisciplinary Approach and Studies*, 1 (5), 233–244.
- Suhailah. (2018). Kesan filem Evolusi KL Drift, Abang Long Fadil, Rempit, dan Lu Mafia Gua Gangster terhadap pembentukan akhlak dan kesannya dalam pembentukan modal insan di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam (RCIS 18)*.
- Sabaghpour Azarian, Z. (2009). Influence of media viewing habits on attitude towards aggression among schoolboys at international schools in Kuala Lumpur (Tesis sarjana, Universiti Putra Malaysia). Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/12063/>
- Suhartono, B., Wan Mahmud, W. A., & Abu Hassan, B. R. (2022). Analisa naratif remaja Melayu dalam filmografi terpilih Ahmad Idham. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38 (4), 214–230. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3804-12>
- Zulkiple Abd. Ghani. (2021). Ekosistem dakwah digital: Cabaran masa depan dunia dakwah. Dalam Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital 2021 (hlm. 1–24). Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS).

[https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/BUKU\\_PROSIDING\\_SIMPOSIUM\\_DUNIA\\_DAKWAH\\_DIGITAL\\_2021-web.p](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/BUKU_PROSIDING_SIMPOSIUM_DUNIA_DAKWAH_DIGITAL_2021-web.p).